

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HIS 404 Kajian Ayat-Ayat Hukum

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM EMPAT [4] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Jawapan-jawapan daripada setiap Bahagian hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Sila pelihara kertas ini dengan baik kerana ia mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Firman Allah s.w.t.:

ولاتؤتوا السفهاء، أموالكم التي جعل الله لكم قياماً وارزق لهم فيها واسوسهم وقولوا لهم قولاً معروفاً، وابتلعوا اليتامي حتى بلغوا النكاح، فلن تستم منهم رشداً فادفعوا إليهم أموالهم ولا تأكلوها إسرافاً وبداراً أن يكروا، ومن كان غنياً فليستعنّف، ومن كان فقيراً فليأكل بالمعروف، فإذا دفعتم إليهم أموالهم فأشهدوا عليهم، وكفى بالله حسبياً .

سورة النساء آية ٦٠٥ .

- (a) Terjemahkan ayat di atas ke dalam bahasa Melayu.
- (b) Berikan pandangan 'ulama tentang maksud "al-Sufahā'" di dalam ayat di atas serta bincangkan masalah penahanan daripada menggunakan harta yang dikenakan ke atas "al-sufahā'".

- (c) Apakah hukum fiqh yang boleh dirumuskan daripada firman Allah s.w.t.:

"وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ، وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفْ"

- (d) Nyatakan pengajaran yang boleh didapati daripada ayat di atas.

2. Islam memandang perbuatan zina sebagai salah satu jenayah yang dikenakan hukuman yang berat ke atas pelakunya sepetimana yang disebutkan di dalam al-Qur'an, surat al-Nūr, ayat 2 - 5. Anda dikehendaki membincangkan perkara ini daripada sudut-sudut berikut:

- (a) Tuliskan ayat al-Qur'an yang berkenaan, kemudian terangkan suasana penurunannya.
- (b) Rasional di balik pengharaman zina di dalam perundangan Islam.
- (c) Hukum ḥudūd yang ditetapkan ke atas pezina dan kenapa dibezakan di antara orang bujang dan orang muhsan di dalam hukuman itu.
- (d) Hukum perkahwinan dengan perempuan atau lelaki yang berzina menurut para 'ulama berserta hujah-hujahnya sekali.

3. Firman Allah di dalam surat al-Mā'idah, ayat 33 - 39 adalah berkaitan dengan hukum curi dan rompakan bersenjata. Berdasarkan huraiyan para 'ulama terhadap ayat-ayat ini, bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Perbezaan hukuman di antara jenayah curi dan rompakan bersenjata berserta rahsia di balik perbezaan itu.
- (b) Syarat-syarat yang diperlukan untuk mensabitkan hukum ḥudūd ke atas pencuri.
- (c) Cara mensabitkan jenayah curi.
- (d) Hikmat al-Tashrī' di balik hukum ḥudūd di dalam kes curi dan rompakan bersenjata.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Firman Allah s.w.t. surah al-Mā'idah ayat 90 - 91

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعْلَكُمْ تَفْلِحُونَ ۝۹۰۱ إِنَّمَا يَرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمُ الْعِدَاؤُ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيُصَدِّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهُلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ۝۹۱۱ سُورَةُ الْمَائِدَةِ : آيَةُ ۹۰ - ۹۱ .

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Melayu.
- (b) Jelaskan pengertian "الْخَمْرُ، الْمَيْسِرُ، الْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ" dan secara terperinci.
- (c) Huraikan perbahasan 'ulama' tentang maksud ungkapan "رجس من عمل الشيطان"
- (d) Jelaskan sebab ayat-ayat di atas diwahyukan.
- (e) Jelaskan maksud kata-kata 'Umar ibn al-Khaṭṭāb setelah ayat-ayat di atas diwahyukan.

6. Firman Allah s.w.t. surah al-Nisā' ayat 3 - 4

وَإِنْ خَفْتُمُ الْأَنْقَطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكحُوهُ مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَشْنِى وَثَلَاثَ وَرَبَاعَ، فَإِنْ خَفْتُمُ الْأَتَدُلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَالِكَتْ أَيْمَانَكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَّا تَعُولُوا ۝۲۲ وَآتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ نَحْلَةً، فَلَمْ طَبِنْ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْ نَفْسٍ فَكُلُوهُ هُنِيَّا مَرِيَّا ۝۲۳ سُورَةُ النِّسَاءِ : آيَةُ ۴ - ۳ .

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Melayu.
- (b) Jelaskan sebab ayat-ayat di atas diwahyukan.
- (c) Huraikan perbahasan 'ulama' tentang hukum berpoligami berdasarkan maksud ayat-ayat di atas.

- (d) Jelaskan maksud perintah Allah ("فَانكحوا") serta kuatkan hujah anda dengan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.
- (e) Jelaskan maksud perintah Allah ("وَآتُوا النِّساءَ صَدَقَاتِهِنَّ نَحْلَةً") serta huraikan pandangan-pandangan 'Ulama tentang masalah mahr.

7. Firman Allah s.w.t. surah al-Talāq, ayat 6 - 7

أَسْكُنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وَجْدَكُمْ وَلَا تَخَارُوهُنَّ لِتُضِيقُوهُنَّ عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كَنْ أَوْلَاتْ حَمْلَ فَأَنْتُقُوهُنَّ عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضْعُنْ حَمْلَهُنَّ فَلَمَنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَأَتُوهُنَّ أَجْوَرَهُنَّ وَأَتْمِرُوهُنَّ بِمَا يَعْرُوفُ وَإِنْ تَعَاشُرُتُمْ فَسْتَرْضُعْ لَهُ أُخْرَىٰ لِيَنْفُقْ ذُو سُعَةَ مِنْ سُعَتِهِ وَمِنْ قَدْرِ رِزْقِهِ فَلَا يَنْفُقْ مَا أَتَاهُ اللَّهُ . لَا يَكُلُّ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا ، سِيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عَسْرَ يُسْرًا ۖ

سورة الطلاق : آية ۶ - ۷ .

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Melayu.
- (b) Jelaskan sebab ayat-ayat di atas diwahyukan.
- (c) Jelaskan hukum-hakam yang telah didapati daripada ayat-ayat di atas.
- (d) Berdasarkan ayat-ayat di atas, huraikan perbahasan 'ulama' tentang hak nafkah kepada isteri yang telah diceraikan dengan tiga talaq.
- (e) Sebutkan satu kaedah uṣūl fiqh yang telah didapati daripada maksud ayat-ayat di atas serta huraikannya.